

Jenis Akhbar : KL Screener
Tarikh : 19/11/2022
Edisi / Muka surat : <https://www.klscreener.com>
Tajuk : **Sasar 50 koperasi sekolah dapat RM1j**

Sasar 50 koperasi sekolah dapat RM1j

HarianMetro Sat, Nov 19, 2022 07:00am



ABDUL Fattah (tengah) ketika merasmikan Seminar Infaq Lil-Waqf Angkasa dan Konvensyen Koperasi Sekolah serta Persidangan Pengetua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Negeri Pahang Tahun 2022.

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan sekurang-kurangnya 50 koperasi sekolah bakal mencapai perolehan RM1 juta menjelang 2030.

Perkara itu mampu dicapai memandangkan koperasi sekolah pada masa ini giat terbabit dalam sektor perniagaan yang disertai koperasi dewasa.

Presiden Angkasa merangkap Presiden Asean Cooperative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, persepsi orang muda tidak minat menceburkan diri dalam koperasi tidak tepat sama sekali.

Beliau berkata, ini kerana kira-kira 20 peratus anggota koperasi di negara ini terdiri daripada warga koperasi sekolah.

"Selain menumpukan fokus dari segi akademik, mereka juga memerlukan satu platform untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam bentuk latihan untuk mendapatkan pengalaman.

"Koperasi sekolah adalah satu wadah paling lengkap menawarkan peluang untuk murid belajar berniaga, menjadi usahawan, mentadbir dan mengurus serta mendapat kemahiran insaniah lain yang tidak diajar di dalam kelas.

"Selain itu, pembabitan mereka dalam aktiviti koperasi sekolah mampu memperkukuh jati diri seperti bersatu padu, toleransi, kesaksamaan, keadilan, tolong-menolong dan sebagainya, selaras dengan prinsip dan nilai yang menjadi pegangan koperasi," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, usaha menyemai ilmu keusahawanan koperasi juga selaras dengan hasrat kerajaan mahu melahirkan lebih ramai usahawan muda di masa hadapan.

"Koperasi sekolah platform yang paling tepat dalam hal ini. Penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai keusahawanan koperasi adalah proses pembelajaran yang dapat membuka ruang dan minda pelajar supaya menjadi lebih kreatif, inovatif dan berdaya maju.

"Sehingga kini terdapat 14 koperasi sekolah yang mempunyai perolehan RM1 juta," katanya.

Beliau berkata, pembangunan modal insan melalui koperasi sekolah juga perlu diambil serius kerana kerajaan sendiri mahu melihat koperasi menjadi jalan penyelesaian kepada isu menangani kos sara hidup yang membelenggu rakyat saban tahun.

Angkasa berharap usaha ini akan membantu meningkatkan pembabitan golongan muda dan profesional dalam koperasi sekali gus membantu kerajaan mewujudkan kestabilan sosiekonomi serta memberi sumbangan lebih besar kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK).